

**ALIRAN SALAF KHALAF:
SUATU PERBANDINGAN DARI SEGI
METHOD DAN KONSEP-KONSEP UTAMA**

Hassan bin Mat Leh
Bekas Pensyarah Fakulti Usuluddin
Akademi Islam Universiti Malaya

*This article studies the thoughts of khalf and development of ilm al-
Kalam in the Islamic History.*

Pendahuluan

Islam sejak dari lahirnya hinggalah ke hari ini tidak pernah berhenti dari mengeluarkan tokoh-tokoh dan ahli-ahli fikir yang mencipta nama dalam sejarah, malah lebih jauh, menghasilkan buah fikiran dan pandangan yang melahirkan pula aliran pemikiran yang menjadi bahan perbincangan di kalangan umatnya. Dalam perkembangan tersebut, pada masa yang sama Islam sentiasa dilanda oleh arus tidak sihat, datang dari musuh-musuhnya yang menyerang dari luar. Walaupun hebat serangan dan gangguan musuh ke atas Islam, namun ia tetap utuh, pemikiran asalnya tetap jernih dan berqualiti.

Sayyed Abu Hasan Ali al-Nadwi menulis, ada orang membuat telahan bahawa Islam telah berakhir sebagai sifatnya sebuah agama di dunia ini, begitu juga dengan umatnya sebagai sifat satu *ummah* yang berakidah, Pemegang tugas

asalnya. Pertubuhan itu cuba memperkenalkan doktrin dan formula baru yang didakwa untuk memperbaiki dan meninggikan darjat sesebuah agama. Antara pergerakan atau pertubuhan seperti ini ialah pergerakan "*Unification Church*" (penyatuan Gereja). Keunikan pergerakan ini dan kepopularannya yang kian berkembang menyebabkan ia perlu dikaji.

Sejarah Dan Perkembangan Unification Church

Unification Church adalah sebuah pertubuhan atau pergerakan agama yang mempunyai impian untuk mewujudkan satu agama di dunia; mewujudkan dunia dan masa depan yang makmur untuk selama-lamanya dan yang terpenting sekali setiap ahli pergerakan ini perlu membaktikan diri dan kehidupan mereka untuk mencapai matlamat mengembalikan kerajaan dan syurga Tuhan di dunia ini.¹

Pengasas *Unification Church*:

Sun Myung Moon merupakan seorang pendita agama Kristian dan pengasas *Unification Church*.²

Beliau dilahirkan pada tahun 1920 di sebuah tempat yang kini dikenali sebagai Korea Utara.³ *Sun Myung Moon* mendakwa *Jesus* telah muncul dan menemui beliau pada hari perayaan "*Easter Day*" (mengingati Hari Kebangkitan *Jesus Christ*) pada tahun 1936; dan meminta beliau memikul tanggungjawab untuk menubuhkan sebuah pergerakan yang akan menegakkan kerajaan Tuhan di muka bumi ini.⁴

Sepanjang dua dekad⁵ terkemudian, *Sun Myung Moon* telah menemui, berkomunikasi dan berdiskusi dengan beberapa orang tokoh pelbagai agama

¹Mircea Eliade, "Unification Church", *The Encyclopedia of Religion*, vol. 15, Macmillan Publishing Company, New York, London, hal. 141 dan Holy Spirit Association for Unification Church of World Christianity, *Outline of the Principle, Level 4*, New York, 1980, hal. 41 tanpa pengarang *Al-Mausu'at-`al Muyassarah Fi al-Adyani wal al-`Mazahibi-l`Mua'sirah*, cet. 2, Al Nadwah al-Alamiyah Li al-Syabab-al-Islamiy, Al'Riyadi, 1989, hal. 491.

²Mircea Eliade, "Unification Church", *op.cit.*, hal. 141 dan Frederich Sontag's, *Sun Myung Moon And Unification Church*, Nashvile, 1977, hal. 54.

³Mircea Eliade, "Unification Church", *op.cit.*, hal. 141.

⁴*Ibid.*

⁵Satu dekad: bersamaan 10 tahun.

seperti *Moses* dan *Buddha*.¹ Beliau turut mendakwa telah menemui Tuhan; yang memberi wahyu kepadanya secara langsung² dan sejajar dengan perintah dan permintaan *Jesus Christ*;³ mewujudkan dunia yang makmur di bawah pemerintahan Tuhan yang satu dan satu agama dan kepercayaan.

Lanjutan daripada itu, segala bentuk ajaran dan doktrin *Sun Myung Moon* telah dikumpulkan oleh pengikut-pengikut setianya; dan diterbitkan di dalam Bahasa Inggeris yang dikenali sebagai "*Divine Principle*". (Dasar atau Prinsip (Keadilan) Tuhan).⁴

Sun Myung Moon juga pernah dipenjarakan beberapa kali⁵ dan suatu ketika pernah menghabiskan masanya selama 2 1/2 tahun di dalam "*Communist Labor Camp*" dan kemudiannya dibebaskan oleh *United Nations Forces* semasa perang Korea.⁶

Sungguhpun beliau pernah dipenjarakan, sedikitpun tidak mengurangkan kepercayaan pengikut-pengikut setia beliau, bahkan beliau semakin dihormati kerana keberanian dan ketegasannya memimpin pergerakan *Unification Church* sehingga dikenali di dunia kini.

Penubuhan dan Perkembangan Unification Church

Unification Church telah diasaskan dan ditubuhkan di Korea pada tahun 1954 oleh seorang pendita agama kristian *Sun Myung Moon* berikutan daripada dakwaan yang menyatakan *Jesus* meminta beliau menubuhkan pergerakan untuk mewujudkan kerajaan dan syurga Tuhan di muka bumi ini.⁷

¹Frederich Sontag's, *op. cit.*, hal. 55; Mircea Eliade "Unification Church", *op. cit.* hal. 141, dan John Lofland's, *Doomsday Cult: A Study of Conversion, Proselytization And Maintenance of Faith*; New York, 1977, hal. 77.

²Frederich Sontag's, *op. cit.*, hal. 55.

³Mircea Eliade, "Unification Church", *op. cit.*, hal. 142.

⁴*Ibid.*, dan Holy Spirit For Unification Church of World Christianity, *Divine Principle*, Washington, 1973, hal. 19.

⁵Penulis akan menyatakan sebab-sebab mengapa beliau dipenjarakan di dalam perbincangan seterusnya nanti.

⁶Mircea Eliade, "Unification Church", *op. cit.*, hal. 142.

⁷*Supra*, hal. 2# }

Pada suku abad kemudiannya, *Unification Church* mulai dikenali dan merupakan pergerakan agama yang agak kontroversi, berdasarkan prinsip-prinsipnya yang agak unik dan berlainan daripada agama asasnya, kristian.¹

Di Korea, pergerakan ini dikenali sebagai pergerakan *Tong Il*. Manakala di Barat, pergerakan ini mempunyai pelbagai nama: antaranya seperti *Holy Spirit Association For Unification of World Christianity*, *Unified Family* dan *Moon Organization*. Namun begitu pergerakan ini lebih dikenali dengan nama *Moonies* atau *Moonism*.²

Pada awal penubuhannya di Korea, pergerakan *Unification Church* ini menghadapi berbagai tentangan dari pihak-pihak gereja dan kerajaan; kerana beberapa prinsip kepercayaannya agak berlainan dengan kepercayaan agama Kristian kini.

Akibatnya, *Sun Myung Moon* telah ditangkap dan dipenjarakan kerana dakwaan beliau sebagai seorang Nabi, pembawa risalah *Jesus* yang baru, sekaligus sebagai *Messiah* (penyelamat) dan Bapa yang suci.³

Pada akhir tahun 1950-an, pergerakan *Unification Church* ini telah menyebarkan dakyahnya sehingga ke Jepun dan Barat. Pada awalnya, pergerakan tersebut terlalu lembap sehinggalah pada awal 70-an, *Unification Church* mulai dikenali di Barat, setelah *Moon* sendiri berhijrah ke Amerika.⁴ Lebih kurang 10 tahun kemudian, nama *Moon* mulai popular dan dikenali dunia. *Sun Myung Moon* telah berusaha gigih memastikan pergerakan ini terus berkembang maju dengan mengadakan kuliah-kuliah bergerak yang disampaikan oleh jurubahasanya berbangsa Korea yang menyentuh secara langsung mengenai *Unification Church* dan matlamat-matlamatnya. Bahkan beliau turut memastikan penubuhan rangkaian-rangkaian pergerakan tersebut di seluruh dunia, menganjurkan persidangan-persidangan mengenai *Unification Church* khusus kepada ahli-ahli akademik sama ada di peringkat kebangsaan ataupun antarabangsa,

¹*Unification Church* adalah pergerakan agama Kristian, tetapi prinsip-prinsip kepercayaannya berbeza daripada agama Kristian khususnya di dalam persoalan kepercayaan kepada Tuhan; dosa warisan dan kesucian ibubapa. *Infra*, perbincangan seterusnya.

²David Q Bromley And Anson D Shurpe, *The Moonies In America, Cult Church And Crusade*, Beverly Hills, California, 1979, hal. 25.

³Sebastian Matakak's *Unification Church, A New Philosophy And World View*, New York, 1982, hal. 28.

⁴Mircea Eliade, "*Unification Church*, *op.cit.*", hal. 142.

menganjurkan makan malam untuk menarik lebih ramai orang menganggotai pergerakan tersebut.¹

Di samping itu juga pergerakan tersebut turut menyokong *Presiden Nixon* sewaktu berlakunya "*Watergate Crisis*".² Pendekata, *Unification Church* berusaha keras dalam menarik lebih ramai orang mengikut pergerakan ini.³

Selain daripada itu juga, *Unification Church* mempunyai dan memiliki harta yang bernilai tinggi, antaranya *New York Hotel*, *Tiffany Building* di Manhattan dan beberapa buah estate di sekitar bandar New York. *Unification Church* juga turut menjadi rakan kongsi kepada beberapa Syarikat Perniagaan seperti Perikanan dan Pengeluaran Ginseng. Bahkan *Unification Church* turut bergabung dengan kegiatan-kegiatan sosial seperti *Little Angels Dance Groupe*, *The Go Ward Brasa Band* dan *The New Hope Singers*.⁴

Aktiviti-aktiviti *Unification Church* tidak hanya tertumpu kepada aspek-aspek politik, sosial, ekonomi dan akademik, bahkan meliputi hampir keperluan asas manusia, khususnya agama. *Unification Church* turut bergiat cergas melatih paderi-paderi yang mempunyai ijazah-ijazah tertentu dan turut menubuhkan sebuah *Maktab Latihan Paderi Lulusan Ijazah*, melancarkan *suratkhobar harian Unification Church* di Tokyo, New York dan Washington dan ternyata mendapat sambutan yang menggalakkan.⁵

Lanjutan daripada kegiatan-kegiatan tersebut, aktiviti-aktiviti para pengikut *Unification Church* yang terdiri daripada anak-anak muda belasan tahun turut membantu menjual lilin-lilin, menjual candy, bunga-bunga, pohon-pohon kecil, mengadakan diskusi kesusasteraan, membantu menunda kenderaan rosak di jalan raya merupakan fenomena biasa di Barat. Bahkan anak-anak muda ini lebih dikenali sebagai pengikut *Unification Church* kerana kerapian, kekemasan, kepetahan bercakap dan pandai "mengambil hati" orang ramai dengan kesopanan mereka. Pendekata, pengikut-pengikut *Unification Church* turut berusaha membantu memajukan pergerakan tersebut dan memperkenalkan

¹*Ibid.*, hal. 142 - 143.

²Skandal rasuah yang dilakukan oleh Presiden Nixon dan telah mengakibatkan pembunuhan orang-orang bawah Presiden untuk menutup rahsia skandal beliau. Akhirnya Presiden Nixon dibuktikan bersalah dan telah diminta meletakkan jawatannya secara terhormat.

³Mircea Eliade, "Unification Church", *op.cit.*, hal. 142.

⁴*Ibid.*, *Al-Mausu'at al-Muyassarat*, *op.cit.*, hal. 496.

⁵Mircea Eliade, "Unification Church", *op.cit.*, hal. 143.

kannya kepada dunia luar.¹

Pengikut-pengikut setia atau ahli-ahli yang cenderung menganggotai pergerakan *Unification Church* ini terdiri daripada masyarakat yang mendapat pendidikan tinggi dan anak-anak muda belasan tahun dari lapisan masyarakat pertengahan. Keanggotaan yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat mengakibatkan keahlian pertubuhan tersebut tidak seimbang dan menyukarkan pengagihan kerja atau aktiviti yang berkesan; khususnya yang berkaitan dengan soal-soal prinsip dan kepercayaan yang dianuti oleh pergerakan ini.²

Walau bagaimanapun, *Unification Church* tetap berusaha memimpin ahli-ahlinya agar bekerja keras untuk memperluaskan pengaruh pergerakan ini ke seluruh dunia dan seterusnya membina kerajaan dan syurga Tuhan di muka bumi ini, di bawah satu agama universal; satu Tuhan untuk seluruh penduduk dunia yang dikuasai sepenuhnya oleh *Unification Church*.

Lanjutan daripada usaha gigih pergerakan tersebut melalui kepelbagaian aktiviti yang telah dijalankan; *Unification Church* mendakwa mereka telah dapat menguasai hampir sebahagian penduduk dunia yang menghabiskan kehidupan mereka sepenuhnya untuk pergerakan tersebut.

Sebagai contoh, di Jepun dan di Barat, anggota-anggota pergerakan *Unification Church* ini tinggal di dalam satu pusat komuniti dan bekerja sepenuhnya untuk pergerakan tersebut. Manakala di Korea, kebanyakan anggotanya terdiri daripada sebuah keluarga dan hidup dalam lingkungan tersebut; menjalankan aktiviti-aktiviti untuk *Unification Church*.³

Pada hakikatnya, anggota-anggota pergerakan yang benar-benar komitmen dengan pergerakan itu adalah lebih sedikit berbanding anggaran atau taksiran jumlah sebenar yang digembar-gemburkan oleh pihak media harian *Unification Church*; kerana kebanyakannya telah keluar dari kumpulan tersebut. Bahkan tidak pernah berlaku sekalipun dalam satu masa, jumlah keanggotaan melebihi 10,000 orang biarpun dikira dari seluruh negara Barat yang terlibat dengan *Unification Church*.⁴

¹*Ibid.*, hal. 143; David Q Bromley And Anson D Shurpe, *op. cit.*, hal. 27 dan Carol Culter. *Ar Religious Cults Dangerous* The Mercier Press, Dublin And Cork, 1984, hal. 43.

²*Infra*, hal. selanjutnya.

³Mircea Eliade, "Unification Church", *op. cit.*, hal. 143.

⁴*Ibid.*

Kebanyakan masyarakat yang menjadi anggota pergerakan *Unification Church* itu terdiri daripada golongan yang berasa "simpati" terhadap matlamat yang ingin dicapai oleh *Unification Church*; dan mereka tetap meneruskan kehidupan biasa mereka di dalam masyarakat - tidak seperti anggota-anggota *Unification Church* yang benar-benar komitmen dengan pergerakan yang menghabiskan sepenuh kehidupan mereka untuk *Unification Church*. Golongan ini sanggup mengorbankan kehidupan mereka dengan bekerja keras mencari dan meningkatkan sumber-sumber kewangan pergerakan dan menarik lebih ramai ahli untuk menganggotai pergerakan dan kesemuanya ini dilakukan demi untuk mengembalikan kerajaan dan syurga Tuhan di muka bumi ini.¹

Hasil usaha *Sun Myung Moon* dan anggota-anggota *Unification Church* yang bersungguh telah meletakkan pergerakan ini dikenali oleh dunia luar. Namun begitu pergerakan ini tidak disenangi oleh pergerakan-pergerakan anti agama dan pihak-pihak media, khususnya di Korea Utara. *Unification Church* telah dituduh menggunakan teknik *brainwash*, mengawal pemikiran dalam usaha pengambilan ahli-ahli baru dan sentiasa mengawal dan mengongkong pergerakan ahli-ahli *Unification Church* yang mengakibatkan perpecahan di kalangan keluarga - yang anak-anak mereka terlibat.²

Di samping itu juga, pemimpin-pemimpin tertinggi *Unification Church* dituduh hidup di dalam kemewahan hasil daripada usaha ahli-ahli yang lain. Pemimpin-pemimpin pergerakan ini juga dituduh telah mengeksploitasi tenaga ahli-ahli yang lain, menindas dan menganiaya mereka dan membiarkan ahli-ahlinya hidup digelumangi kemelut kemiskinan.³

Selain daripada itu, *Unification Church* dituduh sebagai satu pergerakan anti-komunis, dan mempunyai hubungan serta jalinan yang erat dengan pertubuhan *South Korean Intelligence Agency (KCIA)* yang berpusat di Korea Selatan dan turut membuat senjata dan bercita-cita untuk mendirikan sebuah kerajaan teokrasi iaitu, kerajaan yang menggunakan agama sebagai dasar pemerintahan dan seterusnya berhasrat untuk menguasai dunia keseluruhannya; yang turut juga menghapuskan undang-undang cukai dan perpindahan (Immigration). Berdasarkan kepada matlamat yang hampir sama, tidak hairanlah *Unification Church* dikaitkan dengan pertubuhan *KCIA* ini.

Ekoran daripada tuduhan-tuduhan tersebut, pada tahun 1982, pihak

¹*Ibid.*, dan Carol Culter, *op.cit.*, hal. 45.

²Carol Culter, *Ibid.*, hal. 45, David Q Bromley And Anson D Shurpe, *op.cit.*, hal. 29; dan Mircea Eliade, "Unification Church", *op.cit.*, hal. 143.

³Mircea Eliade, "Unification Church", *op.cit.*, hal. 143.

kerajaan Korea telah menangkap *Sun Myung Moon* dan dipenjarakan selama 18 bulan kerana sabit kesalahan membuat pakatan sulit bersama *KCIA* mengelakkan pembayaran cukai negara.¹

Rentetan daripada peristiwa tersebut, anggota-anggota *Unification Church* telah membuat bantahan keras dan melakukan 'tunjuk perasaan' menafi dan menyangkal dakwaan dan tuduhan yang dilemparkan kepada mereka. Pihak *Unification Church* turut memberi keterangan yang sebenar mengenai kegiatan mereka dan menuduh pihak kerajaan telah mencolek ahli-ahli *Unification Church* yang lain dan kemudian melakukan 'deprogramming' (menempatkan ahli-ahli *Unification Church* di bawah satu kawalan semula, mempengaruhi dan "membaik pulih" diri), memaksa sehingga mereka meninggalkan kepercayaan dan kesetiaan kepada *Unification Church*.² Dakwaan-dakwaan daripada *Unification Church* ini telah dijadikan sebagai satu justifikasi untuk membuktikan kegaitan-kegiatan pergerakan ini bersih daripada sebarang anasir-anasir luar yang subversif.

Lanjutan daripada bantahan keras dan keterangan lanjut mengenai kegiatan sebenar *Unification Church*, ia terus beroperasi hingga kini tetapi tidak seaktif dahulu. Walau bagaimanapun, perlu diingat, kegiatan secara "senyap" adalah lebih bahaya ...

Prinsip-prinsip Kepercayaan Dan Matlamat *Unification Church*

Sebagaimana yang telah disentuh terdahulu daripada ini, *Unification Church* ingin mewujudkan dunia yang makmur selama-lamanya iaitu dunia yang dikuasai oleh kerajaan Tuhan dan dipenuhi dengan Syurga-Nya di bawah satu anutan, satu kepercayaan, satu agama, satu Tuhan. Pendekata Syurga Tuhan yang dipenuhi oleh rakyat-rakyat dari seluruh pelusuk dunia dipimpin oleh satu anutan di bawah pemerintahan *Unification Church*. Berdasarkan hasrat dan matlamat ini, setiap ahlinya dikehendaki membaktikan seluruh kehidupan (jasmani dan rohani) kepada pergerakan ini bagi mencapai impian tersebut dan sekaligus merupakan prinsip kepercayaan *Unification Church*.

Di samping itu juga, *Unification Church* menggalakkan 'pembujangan' untuk tempoh yang tertentu di kalangan pengikut-pengikutnya sebagai satu latihan mencapai kesempurnaan diri apabila tiba waktu dan saat perkahwinan kelak.³ Selepas dua sehingga tiga tahun ahli-ahli *Unification Church* melibat-

¹*Ibid.*

²*Ibid.*

³*Ibid.*

kan diri sepenuhnya di dalam pergerakan tersebut; mereka akan dikahwinkan dengan pasangan yang dipilih khusus oleh *Sun Myung Moon* sendiri dari ahli-ahli *Unification Church* juga, dan terdapat seramai 100 pasangan pengantin bahkan dipercayai mencapai angka 1,000 pasangan akan diraikan di dalam sebuah majlis keraian beramai-ramai yang dikenali sebagai *Blessing*. Upacara ini merupakan upacara keraian yang terpenting kepada ahli-ahli *Unification Church* yang agak berbeza daripada upacara formal yang lain dan berlainan dengan upacara mengangkat sumpah setia sebagai ahli pergerakan yang biasanya diadakan pada hari pertama setiap minggu, bulan, tahun dan hari-hari suci *Unification Church*.¹ Menurut kepercayaan *Unification Church*; perkahwinan sesama ahli pergerakan adalah penting untuk memastikan matlamat dan kepercayaan mewujudkan kerajaan dan syurga Tuhan tercapai; kerana mereka telah sedia mengetahuinya.

Selain daripada itu, *Unification Church* turut mentafsirkan kembali *Bible-bible* mengikut kefahaman pergerakan ini dan termaktub sebagai ajaran-ajaran baru di dalam "*Divine's Principle*" yang antara lainnya; mendakwa dapat menyatukan agama-agama dunia menjadi satu agama universal. Menurut prinsip kepercayaan pergerakan ini lagi, Tuhan digambarkan sebagai persoaliti yang Berkuasa mencipta alam ini berdasarkan kepada asas-asas universal. Setiap kejadian di dunia ini dilingkungi oleh sifat-sifat negatif dan positif, lelaki dan wanita kesemuanya berdasarkan kepada prinsip dan hubungan *give & take* (beri dan terima). Sebagai contoh Allah menjadikan *Adam* berdasarkan prinsip '*give*' dan *Adam* menerima kejadian dirinya berdasarkan '*take*'. Ini menunjukkan wujudnya hubungan di antara *give & take*.

Ini bererti kejadian *Adam* dan *Hawa* turut dilingkungi dengan prinsip tersebut dan sekaligus wujudnya hubungan yang erat antara "*Pencipta*" dan "*yang dicipta*". Menurut kepercayaan *Unification Church*; pada rancangan asalnya, kejadian *Adam* dan *Hawa* adalah sebagai satu persediaan ke arah kematangan dan penyempurnaan untuk memikul tanggungjawab sebagai pasangan suami isteri yang direstui dan kemudiannya melahirkan zuriat demi zuriat (generasi demi generasi manusia di dunia) yang suci dan bakal tinggal di bumi Allah dan mempunyai hubungan harmoni secara langsung antara makhluk dan Allah.²

Tetapi, mereka berdua telah gagal memikul tanggungjawab sebagai '*ibubapa yang suci*'. Kegagalan mereka bukanlah disebabkan *Hawa* telah melanggar perintah Allah memakan buah *khuldi* (apple - menurut *Divine's Principle*), tetapi akibat salah guna kuasa '*kasih sayang*' yang ada pada mereka.

¹*Ibid.*, dan *Al-Mausu'at-`al-Muyassarah*, *op.cit.*, hal 492.

²Holy Spirit Association, *Outline of The Principle*, *op.cit.*, hal. 45.

Menurut *Sun Myung Moon* (berdasarkan wahyu yang didakwa diterimanya); Malaikat *Lucifer* telah diberi mandat dan diamanahkan oleh Allah untuk menjaga *Adam* dan *Hawa*. Tetapi kerana *Lucifer* berasa dengki terhadap *kasih sayang* Allah yang lebih tertumpu kepada *Adam*; mendorongnya menghasut *Hawa* memujuk *Adam* melakukan hubungan seksual sebelum mendapat restu Allah dengan melalui kuasa *Hawa*: '*kasih sayang*'. Lanjutan daripada itu, tempoh kematangan mereka berdua telah dinodai kerana hasutan *Lucifer* yang kini menjadi kemurkaan Allah dan dikenali pula sebagai ketua Syaitan. *Adam* dan *Hawa* telah melakukan dosa dan dosa mereka inilah yang kemudiannya diwarisi oleh generasi manusia seterusnya.¹

Ekoran daripada itu, menurut *Divine's Principle*, sejarah tersebut boleh diulangi kembali dan seterusnya menyucikan kembali dosa-dosa warisan dengan melaksanakan rancangan asal yang telah dinodai. Kesemuanya ini memerlukan kepada mengembalikan semula kerajaan dan Syurga Tuhan di dunia ini. Untuk mengembalikan keadaan tersebut memerlukan kepada *Messiah* yang ikhlas untuk menyempurnakan rancangan asal Allah itu melalui perkahwinan yang direstui agar generasi seterusnya suci daripada dosa warisan.²

Kepercayaan *Unification Church* ini berasaskan kepada prinsip bahawa jaminan dan gantirugi yang baik serta pengorbanan yang ikhlas akan dapat menghapuskan hutang atau keburukan yang lalu dan bertititkolak daripada prinsip ini, *Unification Church* yakin bahawa keturunan ummah yang akan datang ini adalah keturunan ummah yang suci daripada dosa warisan. Namun keturunan itu mestilah lahir daripada keluarga yang direstui perkahwinannya oleh Allah dan bebas daripada dosa warisan tersebut. Lanjutan daripada ini, *Jesus Christ* dikatakan sebagai *Messiah* yang bakal menyelamatkan generasi manusia. Tetapi disebabkan kesalahan dan kegagalan *John Pembaptis*, *Jesus* telah mati disalib sebelum sempat beliau dikahwinkan dengan restu Allah. Walau bagaimanapun, *Jesus Christ* telah dapat menghapuskan sebahagian daripada dosa warisan melalui rohnya (spiritual); iaitu melalui pengorbanan penyaliban dirinya.³ Dan seterusnya, tindakan *Sun Myung Moon* yang telah menghabiskan kehidupannya untuk membina kerajaan Tuhan telah dianggap sebagai suatu pergorbanan yang suci. Keadaan ini telah mendorong pengikut-pengikut *Unification Church* mempercayai *Sun Myung Moon* dan isterinya adalah pasangan *Ibubapa yang suci* dan '*Messiah*' yang dinanti-nantikan untuk menghapuskan sebahagian lagi dosa warisan yang tinggal biarpun jangka masa atau zaman kehidupan *Jesus Christ* dan *Sun Myung Moon* begitu jauh berbeza.

¹*Ibid.*

²*Ibid.*, hal. 47.

³*Ibid.*

Dengan ini, melalui pengorbanan yang ikhlas dan perkahwinan yang direstui Tuhan akan dapat melahirkan ummah yang suci daripada dosa warisan. Justru itu, *Sun Myung Moon* telah mengemukakan perkara ini sebagai ajaran-ajaran *Unification Church* dan berharap pengikut-pengikutnya akan mematuhi dan mengikuti segala dasar kepercayaan *Unification Church*. Oleh itu, tidak hairanlah mengapa perkahwinan semasa ahli *Unification Church* merupakan satu upacara yang paling penting selain upacara sumpah setia.

Unification Church: Suatu Penilaian

Berdasarkan kepada perbincangan-perbincangan tersebut, pada lahirnya *Unification Church* telah meneroka satu usaha untuk mewujudkan hanya satu agama universal di muka bumi ini berasaskan agama Kristian yang telah ditokoktambah buat kali kedua selepas usaha penyelewengan yang dilakukan oleh *Saul Paul*.

Pada hakikatnya, usaha tersebut telah melanggar prinsip-prinsip kepercayaan agama Kristian kini (agama Kristian kini yang telah ditokoktambah oleh Paul) dan ini telah menimbulkan ketegangan di antara pihak gereja Kristian kini dan *Unification Church*.

Ketidaksamaan prinsip-prinsip kepercayaan tersebut dapat dilihat dari sudut kepercayaan kepada Allah. *Unification Church* cuba menyalurkan prinsip kepercayaan kepada satu Tuhan, Tuhan Yang Esa, hasil daripada gabungan kepercayaan-kepercayaan agama yang lain ke dalam prinsip kepercayaan pergerakan ini. Walaupun hampir keseluruhan agama dunia mempercayai Tuhan, tetapi fahaman dan perlaksanaannya berbeza. Umpamanya kepercayaan kepada satu Tuhan menurut agama Hindu dicernakan melalui kepercayaan kepada pembantu dan pengantara Tuhan itu iaitu; Tuhan Brahma, Tuhan Vishnu dan Tuhan Krishna. Begitu juga agama Kristian kini turut mempercayai Tuhan Yang Satu tetapi diperlihatkan melalui kepercayaan mereka kepada *doktrin trinity* yang didakwa sebagai tirai pembuka ke arah mempercayai Tuhan Yang Satu itu. Pendekata, agama-agama dunia yang lain mempercayai Tuhan sekalipun kefahaman dan perlaksanaannya berbeza.

Perbezaan kepercayaan kepada Tuhan yang amat ketara antara agama Kristian yang cuba ditonjolkan oleh *Unification Church* dan agama Kristian kini yang mempercayai *trinity* dan dipercayai sebagai pembuka jalan ke arah mempercayai keesaan Allah telah menimbulkan ketegangan di antara kedua-dua pihak. Justeru itu pihak gereja Kristian kini tidak dapat menerima kehadiran *Unification Church* yang dituduh telah mencabuli kesucian gereja dan agama. Hanya golongan terpelajar yang bersikap terbuka menerima pergerakan ini dan beberapa golongan yang mempunyai kepentingan tertentu terutama dalam urusan perniagaan sahaja menerima pergerakan *Unification Church*; lebih-lebih lagi pihak *Unification Church* turut menawarkan pelbagai kemudahan dalam usaha menarik lebih ramai ahli seperti penawaran biasiswa, menganjurkan

makan malam percuma kepada graduan-graduan Universiti dan banyak lagi kebajikan yang dilakukan untuk memperkenalkan pergerakan ini sepertimana yang telah disentuh sebelum ini. Oleh itu, tidak hairanlah pergerakan ini terus berkembang sekalipun mendapat tentangan.

Manakala kepercayaan kepada Allah menurut agama Islam adalah nyata, kepercayaan secara langsung kepada Allah Yang Esa dan Allah Berkuasa mutlak ke atas segala-galanya. Tidak timbul kepercayaan kepada perantara Allah dan gandingan kepercayaan, kepada yang lain. Segala yang berlaku adalah kehendak Allah. Allah tidak tertakluk kepada prinsip-prinsip alam, bahkan Allah penguasa alam. Dengan ini, Islam menolak keras perjuangan *Unification Church* sekalipun pergerakan ini memasukkan ciri-ciri kepercayaan kepada Yang Esa sebagai salah satu daripada prinsip-prinsip kepercayaannya. Ini kerana Islam adalah lengkap dan tidak perlu kepada ideologi lain sebagai alternatif. Tambahan pula prinsip kepercayaan kepada Yang Esa menurut kefahaman *Unification Church* masih membenarkan unsur-unsur syirik di dalam kepercayaan tersebut sebagai penyesuaian kepada kepercayaan agama-agama lain, dengan meletakkan Tuhan sebagai Pencipta Yang Berkuasa mencipta alam, tetapi penciptaan-Nya dilingkungi oleh *asas-asas Universal* dan prinsip 'give & take'. Ini bererti Tuhan tidak Berkuasa mutlak untuk mencipta kerana terikat dengan asas-asas tersebut. Umpamanya; Tuhan mencipta makhluk berasaskan prinsip 'give' dan makhluk pula menerima penciptaannya berasaskan prinsip 'take', dan makhluk ini pula berhak untuk menolak penciptaan atau kejadian dirinya. Seandainya ini berlaku; Tuhan tidak dapat mencipta makhluk tersebut kerana asas *give & take* tidak terlaksana. Ini bererti Tuhan tidak berkuasa mutlak untuk mencipta dan menguasai alam. Justeru itu pihak *Unification Church* yang ingin mewujudkan kerajaan syurga Tuhan di muka bumi ini yang dikhususkan untuk Tuhan, menunjukkan kepercayaan kepada Tuhan Yang Satu menurut *Unification Church* itu masih lagi dicemari dengan unsur-unsur syirik. Apatah lagi, kepercayaan tersebut masih bertunjangan kepada agama Kristian yang telah ditokoktambah untuk menjadikannya lebih bersifat universal. Ini membuktikan agama Kristian semakin jauh tersesat dan pergerakan tersebut ternyata enggan menerima keunggulan Islam yang diakui *al-din* yang *syumul*.

Keharmonian, kemakmuran, kasih sayang, saling hormat menghormati, ketaatan antara makhluk kepada Pencipta, kepatuhan pekerja atau rakyat kepada ketua atau pemerintah, hubungan yang harmoni dan apa jua yang membawa kebaikan merupakan perkara-perkara yang ditekankan oleh setiap agama. Menyedari keadaan ini, *Unification Church* menggarap tuntutan-tuntutan pelbagai agama yang menyeru ke arah kebaikan menjadi ciri-ciri perjuangan dan matlamatnya sekaligus. Lanjutan daripada ini, *Unification Church* menekankan sifat kesetiaan kepada ahli-ahlinya untuk mewujudkan dunia yang harmonis, di bawah satu anutan dan juga di bawah satu penguasaan; *Unification Church*. Matlamat ini juga turut diperjuangkan oleh pihak Yahudi untuk menguasai dunia sepenuhnya. Ini menunjukkan *Unification Church* turut memasukkan

unsur-unsur dan kepercayaan agama Yahudi di dalam prinsip dan matlamat pergerakan ini sebagai usaha menarik orang-orang Yahudi dan penganut-penganut agama lain menjadi ahli.

Berikutan daripada matlamat mewujudkan dunia yang makmur; *Unification Church* menekankan kesucian zuriat manusia yang dipercayai telah dinodai angkara perbuatan *Lucifer* menghasut *Hawa* dan *Adam*. Akibat perbuatan mereka berdua, manusia terpaksa memikul dosa warisan tersebut. Kepercayaan *Unification Church* mengenai dosa warisan ini jauh berbeza daripada kepercayaan agama Kristian kini. Agama Kristian kini mempercayai *Adam* dan *Hawa* telah melanggar larangan Allah memakan buah *khuldi*. Walau bagaimanapun dosa warisan tersebut telah dihapuskan oleh Tuhan Anak; *Jesus Christ* melalui penyaliban dirinya di tiang salib. Ini berbeza dengan kepercayaan *Unification Church* yang menganggap *Jesus Christ* hanya menghapuskan sebahagian dosa warisan kerana kesalahan dan kegagalan *John Pembaptis* menjodohkan *Jesus Christ* dan mengadakan upacara perkahwinan yang direstui Tuhan. Dengan ini jugalah *Unification Church* telah meletakkan pengasas pergerakan ini: *Sun Myung Moon* dan isterinya sebagai *Ibubapa Yang Suci* dan *Messiah*.

Menurut dimensi Islam, persoalan dosa adalah jelas. Islam meletakkan tanggungan dosa ke atas diri setiap makhluk seandainya dosa itu berkaitan dengan diri pelaku dan relatifnya. Tidak timbul mengenai dosa warisan sebagaimana yang diyakini oleh *Unification Church* dan agama Kristian. Manakala *Messiah* yang dinanti-nantikan itu sebenarnya tidak wujud lagi kerana *Nabi Muhammad* adalah rasul terakhir yang membawa risalah yang *syumul* dan mencakupi pelbagai aspek kehidupan, sesuai untuk semua makhluk dan dunia. Oleh kerana itu, dakwaan mengenai *Messiah* sebagai penyelamat penduduk dunia adalah impian dan omongan kosong belaka.

Unification Church juga telah mengadun pelbagai unsur kepercayaan pelbagai agama dunia dan menjadikannya sebagai prinsip-prinsip kepercayaannya. Fenomena ini membuktikan *Unification Church* cuba mewujudkan hanya satu anutan kepercayaan di muka bumi ini yang diambil daripada pelbagai anutan agama lain dengan harapan penduduk dunia akan hanya menumpukan perhatian kepada *Unification Church*. Sungguhpun dasar usaha tersebut menampakkan kebaikan, tetapi *Unification Church* sebenarnya cuba menonjolkan bahawa agama Kristian adalah asas yang terbaik berbanding agama-agama dunia lain biarpun ia telah ditokoktambah dan berbeza sekali daripada agama Kristian kini untuk menyesuaikan keadaan dan kepercayaan dengan agama-agama dunia lain. Ini juga membuktikan bahawa *Unification Church* telah membelakangkan firman dan pengakuan Allah mengenai Islam sebagai *al-din* yang *syumul* dan sesuai untuk seluruh dunia dan masa. Bahkan menyerlahkan perjuangan mereka untuk mewujudkan kerajaan dan syurga Tuhan di muka bumi ini adalah sia-sia kerana Allah adalah Berkuasa dan Pemilik mutlak alam dan tidak memerlukan apa-apa jua pun.

Selain daripada itu, *Unification Church* seolah-olah telah membuka pekung di dada sendiri dengan menokotambah agama Kristian kini buat kali keduanya selepas penyelewengan yang dilakukan oleh *Saul Paul*, dan ini membuktikan agama Kristian kini tidak cukup mantap dan kukuh untuk terus dijadikan tunggak perjuangan *Unification Church*"; sebaliknya terpaksa diproses semula dan berbeza daripada agama Kristian yang ada. Lanjutan daripada ini jelaslah mengapa pihak gereja menentang keras *Unification Church* yang telah menodai kesucian agama tersebut, terutama di dalam soal-soal prinsip kepercayaan yang telah lama berakar umbi di dalam setiap diri penganut Kristian yang setia dan fanatik dengan agama Kristian itu. Mereka juga turut menuduh *Unification Church* telah jauh menyeleweng daripada ajaran Kristian kini dan sebaliknya membawa ajaran sesat.

Pada hakikatnya, perbuatan *Unification Church* mengadun pelbagai unsur kepercayaan agama dunia dan menonjolkan agama Kristian Baru yang lebih universal itu menyerlahkan lagi kesesatan mereka. Sekaligus memperlihatkan keengganan dan penolakan mereka terhadap keunggulan dan *kesyumulan* Islam sejati. Islam sebagai agama yang lengkap tidak memerlukan kepada sebarang perubahan kerana ia sesuai untuk seluruh keadaan dan makhluk. Bahkan Islam menolak keras setiap unsur kesesatan dan dengan ini perjuangan *Unification Church* adalah sia-sia sahaja.

Ternyata, perjuangan dan matlamat *Unification Church* adalah bertentangan dengan syariat, akidah dan tuntutan-tuntutan agama Islam, walaupun pergerakan *Unification Church* ini seolah-olah pergerakan yang memperjuangkan *prinsip-prinsip kepercayaan bersepadu*, tetapi hakikatnya ia telah terkeluar daripada landasan kebenaran dan *kesahihan*.

Penutup

Bagi mengakhiri penulisan ini, beberapa perkara dapat dirumuskan, antaranya:

1. *Unification Church* adalah pergerakan agama yang mempunyai impian untuk mengembalikan kerajaan dan syurga Tuhan di muka bumi ini, dan mewujudkan dunia yang makmur selamanya berasaskan satu agama dan satu anutan.
2. *Unification Church* telah diasaskan di Korea oleh *Sun Myung Moon* dan merupakan pergerakan yang banyak menimbulkan kontroversi; kerana prinsip-prinsip kepercayaannya yang berbeza dengan agama Kristian kini.
3. Penyokong-penyokong *Unification Church* telah berusaha gigih supaya pergerakan ini dikenali di seluruh dunia.

4. Prinsip-prinsip kepercayaan *Unification Church* termaktub di dalam *Divine Principle* dan prinsip-prinsip kepercayaan yang utama adalah seperti berikut:
- a. membaktikan seluruh kehidupan (jasmani dan rohani) untuk *Unification Church* bagi mencapai impian mengembalikan kerajaan dan syurga Tuhan di muka bumi di bawah satu anutan kepercayaan.
 - b. mempercayai kepada pembujangan untuk tempoh tertentu sebagai persiapan ke arah kematangan dan kesempurnaan diri sebelum perkahwinan yang direstui.
 - c. mempercayai pentafsiran semula *Bible-bible* sebagai langkah mewujudkan kerajaan Tuhan.
 - d. mempercayai prinsip "Give & Take" di dalam setiap penciptaan dan kejadian yang dicipta oleh Tuhan.
 - e. mempercayai kepada dosa warisan akibat kegagalan *Adam* dan *Hawa* memikul amanah dan tanggungjawab asal Tuhan menjadikan mereka; kerana terpengaruh hasutan *Lucifer*: Ketua Syaitan, sebelum tempoh kematangan dan restu daripada Tuhan.
 - f. mempercayai *Jesus Christ* telah dapat menyelamatkan hanya sebahagian dosa warisan ahli-ahli *Unification Church* melalui pengorbanan dirinya di tiang salib (melalui spiritual); kerana kesalahan dan kegagalan *John Pembaptis* menjodohkan *Jesus* dan melakukan upacara perkahwinan yang direstui Tuhan.
 - g. mempercayai *Sun Myung Moon* dan isterinya adalah *Ibubapa suci* dan *Messiah* yang mengambil alih tugas *Jesus Christ* yang gagal disempurnakan.
 - h. mempercayai pengorbanan dan jaminan yang baik dan ikhlas dapat menggantikan keburukan dan kejahatan yang lalu biarpun sejarah telah lama berlaku.
5. *Unification Church* adalah pergerakan yang tidak dapat menerima kesyumulan dan keunggulan agama Islam dan kerana itu cuba mewujudkan satu agama lain yang universal.